



UUM ONLINE: Kekacatan anggota bukan penghalang utama dalam kehidupan manusia kerana ramai Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah menempa nama dan sejarah di negara ini mahupun dunia.

Allahyarham Prof. Dato' Dr. Ismail Salleh yang cacat penglihatan merupakan contoh terbaik dari kalangan OKU kerana bukan sahaja dilantik sebagai Senator pertama dalam kalangan mereka, malah telah menyandang beberapa jawatan penting seperti pakar ekonomi, Ketua Pegawai Eksekutif Twintech Holdings dan Naib Canselor Universiti Kolej Antarabangsa Teknologi Twintech.

Beliau yang dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan juga pernah mendapat pelbagai anugerah atas kecemerlangannya di bidang pengajian antaranya Anugerah Guinness Book of Record sebagai orang cacat penglihatan pertama di dunia yang mendapat Doktor Falsafah.

"Graduan University of Illinois ini seharusnya menjadi idola kepada OKU dan rakyat negara ini kerana mempunyai kemampuan yang cukup hebat," kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Datuk Dr. Ahmad Faiz Hamid ketika merasmikan Program Sumbang Bakti untuk OKU anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) UUM pagi tadi.

Pengarah projek ini, Fathania Queen Genisa ketika ditemui berkata, seramai 30 OKU dari Bengkel Daya Sungai Petani telah dijemput untuk memperkenalkan produk mereka di kampus ini seperti kicap dan coklat.

Katanya, selain daripada memperkenalkan produk yang dihasilkan oleh mereka pihaknya berharap kalangan pelajar dapat memberi perhatian dan sokongan kepada OKU ini.

Sempena program ini, seorang OKU, Rosnidawati Shahrudin, 27, turut membuat demonstrasi membuat coklat kepada tetamu yang hadir.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my